

## Annotation Strategy, Types, and Location in The Researcher's Annotated Article

### Strategi, Jenis dan Lokasi Anotasi dalam Artikel Beranotasi Penyelidik

*Zaihosnita Hood\*, Noorazean Mohd. Ali*

*Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Bangi, Selangor*

*\*Corresponding author: nitahood@ukm.edu.my*

*Received 14 June 2023*

*Accepted 10 October 2023, Available online 1 December 2023*

#### ABSTRACT

Previous studies have shown that researchers read actively and have their own strategies when reading and writing scientific articles. Annotations are often made during reading, and they help researchers identify important passages and useful information in articles. However, annotations lose value after they are done because researchers forget their intention after making them. The purpose of this article is to identify the strategy, type, and location of annotations in the researcher's annotated articles. The methodology of this study is a literature review, interview, and analysis of annotated articles by five researchers. The definition of annotation strategies and types is obtained from literature studies. Interviews describe annotation practices or strategies among researchers while reading scientific articles. Analyzed articles that have been annotated by researchers, will show all the researchers' personal annotation types and locations in the articles. The results of this study can be used as a guide for researchers to read scientific articles either printed articles or digital articles to easily track important passages and useful information in the articles.

Keywords: Active reading, annotation, annotation strategies, annotation types, annotation location

#### ABSTRAK

Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa penyelidik membaca secara aktif dan mempunyai strategi mereka sendiri apabila membaca dan mencatat artikel ilmiah. Anotasi sering dibuat semasa membaca, dan ia membantu penyelidik mengenal pasti petikan penting dan maklumat berguna dalam artikel. Namun begitu, anotasi hilang nilai selepas ia dilakukan kerana penyelidik lupa tujuan asal mereka membuat anotasi tersebut. Tujuan artikel ini adalah untuk mengenal pasti strategi, jenis dan lokasi anotasi dalam artikel beranotasi penyelidik. Metodologi kajian ini menggunakan tiga kaedah iaitu kajian kesusasteraan, temu bual dan analisis koleksi artikel yang dianotasi oleh lima orang penyelidik. Definisi strategi dan jenis anotasi diperoleh dari kajian kesusasteraan. Temu bual menjelaskan amalan atau strategi anotasi dikalangan penyelidik semasa membaca artikel ilmiah. Analisis artikel yang telah di anotasi oleh penyelidik, memaparkan jenis anotasi dan lokasi anotasi peribadi penyelidik pada artikel. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan kepada penyelidik untuk membaca artikel

ilmiah sama ada pada artikel bercetak atau artikel digital agar mudah menjejaki petikan penting dan maklumat berguna di dalam artikel.

Kata kunci: Pembacaan aktif, anotasi, strategi anotasi, jenis anotasi, lokasi anotasi

## PENGENALAN

Penyelidik adalah individu yang mengkaji sesuatu secara bersungguh-sungguh (DBP 2023) atau melakukan aktiviti penyelidikan mengikut bidang tertentu. Aktiviti penyelidikan termasuk mengkaji, memerhati, memeriksa, dan membuat penyiasatan. Menurut Vaganova et al. (2020), aktiviti penyelidikan adalah satu bentuk pembangunan kecekapan profesional yang paling berkesan. Ia membantu membangunkan keupayaan individu untuk menganalisis dan memilih maklumat yang diperlukan serta meningkatkan kreativiti dalam penyelesaian kajian. Hasil penyelidikan dikongsi di kalangan penyelidik tempatan dan di seluruh dunia melalui artikel ilmiah yang diterbitkan. Penghasilan penerbitan yang baik memerlukan penyelidik menghabiskan masa membaca artikel, menulis, berbincang, dan membuat pembentangan bagi mengukuhkan hasil penyelidikan. Penyelidik membaca secara aktif dan mempunyai strategi anotasi peribadi tersendiri untuk mengenal pasti maklumat berguna atau berpotensi yang boleh menyokong tujuan pembacaan (Furuta & Urbina 2002). Jenis anotasi yang bermakna berupaya membantu penyelidik menjejaki maklumat penting, bermakna dan menyokong hasil penyelidikan mereka dengan mudah (Hood & Sahari 2013).

Strategi anotasi setiap pembaca aktif adalah berbeza mengikut pilihan masing-masing (Perpustakaan Kolej Universiti Dublin 2023). Simbol atau jenis anotasi juga memainkan peranan semasa proses membaca secara aktif sama ada pada dokumen bercetak, mahu pun dokumen digital. Setiap anotasi yang dihasilkan disimpan sebagai koleksi anotasi peribadi dan kebanyakannya dalam bentuk dokumen atau artikel bercetak. Koleksi anotasi peribadi ini disimpan bertujuan untuk dirujuk semula apabila diperlukan. Namun begitu, kebanyakannya anotasi yang disimpan tidak dirujuk semula, hilang dan penyelidik tidak faham tujuan dan makna kepada anotasi yang telah mereka lakukan. Akibatnya, anotasi tersebut tidak dirujuk dan hilang nilainya (Hood 2022). Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk merangka strategi anotasi yang bermakna dan berupaya membantu penyelidik memahami serta menjejaki maklumat penting pada artikel yang di baca.

Strategi anotasi, jenis anotasi dan lokasi anotasi penyelidik semasa membaca artikel ilmiah perlu dikenal pasti bagi menyokong kajian dan hasil yang diperoleh akan digunakan untuk merangka strategi anotasi yang mempunyai jenis anotasi yang sesuai digunakan di kalangan penyelidik semasa membaca artikel ilmiah.

## KAJIAN KESUSASTERAAN

Pembacaan aktif membantu penyelidik memahami apa yang sedang dibaca, mengenal pasti perenggan penting (Marshall 1997), dan bertindak sebagai panduan untuk maklumat berterusan (Wolfe 2000). Secara umum, pembacaan aktif adalah tindak balas luar sedar pembaca terhadap bahan yang dibaca (Golovchinsky 2008). O'Hara dan Sellen (1997) menjelaskan bahawa pembacaan aktif melibatkan empat proses utama iaitu anotasi, ekstrak kandungan, navigasi dan susun atur kandungan. Liao (2009) menjelaskan bahawa anotasi adalah proses mudah untuk menyokong bacaan aktif dan sering dilakukan oleh pembaca untuk mendapatkan maklumat penting mengenai dokumen. Anotasi membantu pembaca meningkatkan tahap pemahaman mereka (Porter-O'Donnell et al. 2004; Golovchinsky 2008; Chauhan & Seriani 2019) yang

sering ditemui pada dokumen bercetak (O'Hara & Sellen 1997; Kirwan 2010) dan dokumen digital (O'Hara 1987; Shukla & Chaudahry 2012). Ia bukan sahaja menjelaskan dan memperkayakan sumber maklumat dengan pemerhatian peribadi tetapi juga bermaksud pemindahan dan perkongsian idea dalam meningkatkan amalan kerjasama di kalangan penyelidik (Agosti & Ferro 2007). Dalam usaha menyokong objektif artikel ini, kata kunci strategi anotasi, jenis anotasi dan lokasi anotasi digunakan bagi mengenal pasti definisi dan kaitan antaranya.

## STRATEGI ANOTASI

Strategi anotasi pembaca aktif bertujuan untuk memberi perhatian kepada bahagian tertentu teks dan perenggan bagi memahami konteks atau kandungan teks (Sacchi 2011). Menurut Ovsianikov et al. (1999), strategi anotasi adalah, menanda sebahagian dari teks dengan penanda, menulis pada jidar, menulis di bahagian atas dokumen, menyimpan nota pada kertas yang berasingan dan menulis antara barisan. Strategi yang disediakan oleh Merlo et al. (2007) kepada pelajar adalah satu set panduan (siapa, apa, bagaimana, bila, di mana, mengapa, mana satu dan lain-lain) yang berguna dalam mengenal pasti dan mengurus bahagian penting teks mengikut susunan yang dipilih. Dengan kata lain, pelajar memilih bahagian penting teks dan menghubungkannya dengan susunan yang berkaitan.

Strategi anotasi dari Perpustakaan Kolej Universiti Dublin (2023) memberi saranan agar pembaca mencatat soalan dan membuat refleksi tentang teks dibaca. Pembaca boleh menggunakan anotasi seperti *highlight*, *underline*, jidar, peta minda, atau anotasi di atas kertas kosong. Setelah membaca sepintas lalu, pembaca perlu meneliti bahagian pengenalan, ringkasan, dan baris pertama setiap perenggan. Pembaca turut disaran untuk menggunakan soalan-soalan yang kritikal bagi membantu mereka memahami teks dengan lebih lanjut dan memastikan setiap rujukan dipetik dengan betul. Pembaca perlu melihat semula anotasi dengan menentukan tema, hubung kait dan implikasi penting yang berkait dengan penyelidikan mereka.

Jejak, soal, komen, bina hubungan antara teks, nyatakan persetujuan atau penolakan, analisis petikan, ringkasan, andaian dan takrifan adalah antara sebahagian daripada strategi anotasi yang diberikan kepada pelajar semasa membaca karangan oleh Baumeister (2015). Beberapa orang pelajar mendapati bahawa strategi anotasi yang beliau sarankan bermanfaat untuk pemahaman dan pengesanan idea mereka. Pelajar turut bersetuju bahawa strategi anotasi membantu mereka untuk mengingati, berhubung, dan meneroka bahan bacaan.

Menurut Roy et al. (2021), strategi pembacaan aktif seperti anotasi kandungan (*highlight*), menulis kata kunci, mengambil nota dan refleksi, telah terbukti menghasilkan peningkatan kepada pengetahuan dan pemahaman pelajar berkaitan topik yang diterokai. Ini amat ketara dalam pembelajaran yang panjang dan kompleks. Jadual 1 memaparkan senarai strategi anotasi yang diperolehi dari kajian kesusasteraan.

JADUAL 1. Senarai Strategi Anotasi dari Kajian Kesusasteraan

Pengarang	Strategi	Tujuan
Ovsianikov (2002)	Menanda sebahagian dari teks dengan penanda, menulis pada jidar, menulis di bahagian atas dokumen, menyimpan nota pada kertas yang berasingan dan menulis antara barisan.	Tidak dinyatakan.

Sacchi (2011)	Memberi perhatian kepada bahagian tertentu teks dan perenggan	Memahami konteks atau kandungan teks.
Merlo et al. (2007)	siapa, apa, bagaimana, bila, di mana, mengapa, mana satu.	Mengenal pasti dan mengurus bahagian penting teks mengikut susunan yang dipilih. Memilih bahagian penting teks dan menghubungkannya dengan susunan yang berkaitan.
Perpustakaan Kolej Universiti Dublin (2023)	Membaca sepintas lalu, catat soalan, meneliti bahagian pengenalan, ringkasan & baris pertama setiap perenggan. Semak petikan, objektif, hubungan kait & implikasi dengan penyelidikan. Lakukan refleksi ke atas setiap anotasi	Membaca secara aktif dan mengambil nota & anotasi dengan berkesan.
Baumeister (2015)	Jejak, soal, komen, bina hubungan antara teks, nyatakan persetujuan atau penolakan, analisis petikan, ringkasan, andaian dan takrifan	Strategi semasa membaca karangan. Pemahaman dan pengesanan idea
Roy et al. (2021)	Anotasi kandungan (penggunaan <i>highlighter</i> ), menulis kata kunci, mengambil nota dan refleksi	Menghasilkan peningkatan kepada pengetahuan dan pemahaman pelajar berkaitan topik yang diterokai

Porter-O'Donnell (2004) menjelaskan bahawa strategi anotasi bermanfaat kepada pembaca kerana ia, membantu pembaca memahami proses membaca, membantu pembaca menjadi pembaca aktif, ia membantu pembaca lebih memahami kandungan teks yang di baca, meningkatkan pemahaman, membantu pembaca mengenal pasti maklumat yang sangat penting, membantu pembaca memahami struktur, analisis idea, memperoleh makna dan memahami komunikasi pada teks, dan membantu pembaca fokus kepada struktur dan kandungan teks.

### JENIS ANOTASI

Jenis anotasi ditemui dalam bentuk teks, simbol, dan objek (Mostefai et al. 2010), dan terdapat dalam kertas bercetak atau dokumen digital. Jenis anotasi yang dikenal pasti dari kajian terdahulu adalah *highlight* (Bélanger 2010; Chauhan & Seriani 2019; Ball 2009; Shukla & Chaudhary 2012; Tashman & Edwards 2011), *underline* (Bélanger 2010; Chauhan & Seriani 2019; O'Hara 1996; Shukla & Chaudhary 2012), komen (Bélanger 2010; Gruenstein et al. 2008; Krishna et al. 2019; O'Hara 1996; Shukla & Chaudhary 2012), tanda soal (Krishna et al. 2019; Shukla & Chaudhary 2012), bulatan (Baumeister 2015; Chauhan & Seriani 2019; Hemminger & TerMaat 2014; Shukla & Chaudhary 2012), *mark* (Bélanger 2010; Chauhan & Seriani 2019; Marshall & Ruotolo 2002), asterik (Bélanger 2010) dan maklumat sokongan atau tambahan (Krishna et al. 2019).

Jadual 2 menunjukkan bahawa *highlight* (Chauhan & Seriani 2019; Shukla & Chaudhary 2012) dan *underline* diberi maksud kata kunci, keraguan, kesilapan, maklumat penting dan relevan (O'Hara 1996; Shukla & Chaudhary 2012). Komen pula mempunyai beberapa perihalan iaitu,

(i) pendapat, (ii) memahami kandungan teks dengan lebih mendalam, (iii) kandungan dan pautan, penstrukturan semula untuk membuat pesanan baru khusus untuk objektif, dan (iv) maklumat umum mengenai artikel atau maklumat mengenai sebahagian artikel. Tanda soal digambar sebagai kesalahan, keraguan, atau soalan mengenai keseluruhan artikel atau sebahagian daripada artikel. Bulatan adalah kata kunci, keraguan, atau kesilapan (Shukla dan Chaudhary, 2012). Bahan sokongan atau tambahan adalah pautan ke sumber luaran, seperti blog, video, dan artikel lain. Penerangan mengenai tanda dan asterisk tidak dinyatakan.

Gruenstein et al. (2008) mencadangkan beberapa maklumat lain yang perlu dianotasi sebelum dan semasa membaca adalah tajuk, sari kata, ilustrasi, format teks (*bold*, *italic*, *underline*), siapa, di mana, bila, perbendaharaan kata, idea penting, menulis definisi ringkas (sebagai "Def") dan istilah utama. Pembaca juga perlu mengenal pasti jenis anotasi seperti a) bibliografi, b) pihak berautoriti dan kebolehlaksanaan, c) prinsip utama dan objektif, d) *bias*, e) kaitan dengan kajian lain dalam bidang yang sama, f) penemuan/hasil, dan g) kesimpulan. Sebagai tambahan kepada bibliografi, anotasi mesti mengandungi butiran penting seperti glosari / indeks, instrumen soal selidik, alat yang diuji, dan lain-lain (Leonard 2019). Gruenstein et al. (2008) dan Leonard (2019) mencadangkan jenis anotasi yang sesuai untuk penyelidik membaca artikel ilmiah.

JADUAL 2. Jenis Anotasi Generik

Pengarang	Jenis Anotasi	Penerangan
Bélanger (2010) <b>Chauhan &amp; Seriani, (2019)</b> Ball (2009) <b>Shukla &amp; Chaudhary (2012)</b> Tashman dan Edwards (2011) Perpustakaan Kolej Universiti Dublin (2023)	<i>Highlight</i>	Kata kunci, keraguan, dan kesilapan.
Bélanger (2010) Chauhan dan Seriani (2019) <b>O'Hara (1996)</b> <b>Shukla &amp; Chaudhary (2012)</b> Perpustakaan Kolej Universiti Dublin (2023)	<i>Underline</i>	Penting dan maklumat relevan.
Bélanger (2010) Gruenstein et al. (2008) Krishna et al. (2019) O'Hara (1996) Shukla dan Chaudhary (2012)	Komen	Penerangan atau pendapat. Fahami kandungan teks. Kandungan dan pautan. Penstrukturan semula untuk mewujudkan pesanan baru khusus untuk objektif. Maklumat umum mengenai artikel atau maklumat mengenai sebahagian artikel.
Krishna et al. (2019) Shukla & Chaudhary (2012)	Tanda soal (?)	Kesalahan, keraguan, dan soalan mengenai keseluruhan artikel atau sebahagian daripada artikel

Baumeister (2015) Chauhan & Seriani (2019) Hemminger & TerMaat (2014) <b>Shukla &amp; Chaudhary (2012)</b>	Bulatan	Kata kunci, keraguan, dan kesilapan.
Bélanger (2010) Chauhan & Seriani (2019) Marshall & Ruotolo (2002)	<i>Mark</i>	Tidak dinyatakan
Bélanger (2010) Krishna et al. (2019)	<i>Asterisk</i> Sokongan/bahan tambahan	Tidak dinyatakan Pautan ke sumber luaran seperti blog, video, artikel lain dan sebagainya

### LOKASI ANOTASI

Anotasi boleh di lihat berada di pelbagai lokasi pada dokumen atau artikel yang di baca secara aktif. Bahagian ini akan membincangkan tentang kedudukan anotasi pada dokumen atau artikel yang telah dianotasi oleh pembaca aktif dari kajian terdahulu. Strategi anotasi yang dicadangkan oleh (Ovsiannikov et al. 1999) adalah menanda sebahagian daripada teks di jidar, atas dokumen, kertas berasingan dan antara garisan. O'Hara (1996), mengenal pasti bahawa anotasi terdapat pada tajuk dan nama pengarang artikel, sekitar rajah dan jadual, abstrak, rujukan dan belakang dokumen kertas yang di baca. Marshall (1996), Chauhan dan Seriani (2019) mencadangkan anotasi dilakukan semasa menulis komen, dan pernyataan *bias* adalah pada jidar. Ringkasan komen dan pandangan ditulis pada salinan kertas yang lain. Jadual 3 memaparkan senarai lokasi anotasi dari kajian kesusasteraan.

Hasil tinjauan literatur, didapati bahawa, terdapat pelbagai strategi anotasi yang disarankan terutama ketika membaca karangan dalam pembelajaran. Namun begitu, kajian berkaitan strategi anotasi dan jenis anotasi yang khusus untuk penyelidik tiada dinyatakan dengan jelas. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti maklumat tersebut.

JADUAL 3. Senarai Lokasi Anotasi dari Kajian Kesusasteraan


Lokasi Anotasi	Pengarang
Jidar – kiri, kanan, atas, bawah	Ovsiannikov et al. (1999) Slights (2003) Ball (2009) Tashman & Edwards (2011) MacGregor et al. (2012) Perpustakaan Kolej Universiti Dublin (2023)
Teks/ Ruang kosong	Marshall & Schilit (1997) Ovsiannikov et al. (1999) Slights (2003) Kam et al. (2005) Belanger (2010)
Antara garisan pada perenggan	O'Hara (1996) Ovsiannikov et al. (1999)
Dokumen lain (kertas/digital)	Short & Harste (1996) Marshall & Schilit (1997)

	Ovsiannikov et al. (1999) Bélanger (2010) Perpustakaan Kolej Universiti Dublin (2023)
Belakang dokumen (bercetak)	O'Hara (1996)
Tajuk, Nama Pengarang Artikel	
Sekitar Rajah/Jadual	
Abstrak, Rujukan	

## METODOLOGI KAJIAN

Rajah 1 memaparkan metodologi kajian bagi mengenal pasti strategi, jenis dan lokasi anotasi penyelidik semasa membaca artikel ilmiah. Kajian dimulakan dengan kajian kesusasteraan, disusuli dengan sesi temu bual (Marshall et al. 2001, Spanou & Zafiri 2019; Abd Hamid & Shahrir 2020) dan analisis artikel beranotasi (Marshall et al. 1999; Baumeister 2015; Jasmin 2021).

Semasa sesi **kajian kesusasteraan**, kata kunci *active reading*, *annotation*, *annotation strategies*, dan *annotation type* digunakan di beberapa enjin carian perpustakaan digital seperti Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP, ACM Digital Library, IEEE Explore, Science Direct, Google Scholar. Artikel yang diperolehi dianalisis dan dipilih bagi mendapatkan definisi strategi, jenis dan lokasi anotasi. Setelah artikel terpilih dianalisis, senarai strategi, jenis dan lokasi anotasi diperolehi dan dipapar dalam Jadual 1, 2, dan 3.



RAJAH 1. Metodologi Kajian

Sesi dimulakan dengan penyediaan soalan asas berkaitan amalan pembacaan aktif dan anotasi penyelidik semasa membaca artikel ilmiah. Soalan ini dirangka mengikut keperluan salah satu objektif kajian iaitu mengenal pasti strategi anotasi penyelidik. Semasa **temu bual** berlangsung, soalan tersebut ditanya dan jawapan penyelidik dirakam dalam alat perakam. Pada sesi ini, seramai lima orang penyelidik dipilih secara rawak dan sukarela. Penyelidik terdiri daripada kakitangan akademik Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam pelbagai bidang dan di temu bual secara berasingan sekitar FTSM, UKM. Semasa sesi temu bual, penyelidik diberikan penerangan

ringkas berkaitan tujuan dan pelaksanaan sesi tersebut. Setelah penyelidik faham dan bersetuju, sesi temu bual dimulakan. Penyelidik diajukan dengan 4 soalan iaitu,

1. Apakah amalan yang sering dilakukan oleh penyelidik semasa membaca artikel ilmiah?
2. Adakah penyelidik melakukan anotasi pada artikel yang di baca?
3. Bagaimana bentuk anotasi yang dilakukan oleh penyelidik?
4. Adakah ia dirujuk semula selepas ia dicipta?

Bidang penyelidikan penyelidik yang terlibat adalah, penyelidik 1 adalah dari bidang penyelidikan Information System Management, penyelidik 2 dari bidang penyelidikan Business Process and Service & Information System Management, penyelidik 3 dari bidang Data Analytics & Predictive Model, penyelidik 4 dari bidang Learning Technology, UI/UX & Games, dan penyelidik 5 dari bidang Artificial Intelligence, Bioinformatics & Optimization.

Diakhir sesi temu bual, penyelidik di minta untuk menunjukkan artikel yang telah dibaca dan mempunyai anotasi. Halaman yang mempunyai anotasi dirakam menggunakan kamera bagi aktiviti seterusnya iaitu analisis artikel beranotasi. Sesi akhir iaitu **analisis artikel beranotasi**, ia dilaksanakan berpandu kepada Jadual 2 dan Jadual 3. Jenis dan lokasi anotasi dikenal pasti semasa sesi ini dan dipetakan dalam Jadual hasil analisis artikel. Sebarang maklumat baru yang ditemui di dalam artikel penyelidik, ia akan dijadikan sebagai maklumat sokongan kepada sama ada strategi, jenis atau lokasi anotasi penyelidik.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada hasil bacaan selepas kajian kesusasteraan, didapati bahawa anotasi berkait rapat dengan isu pembacaan aktif. Setiap pembaca aktif dan penyelidik mempunyai gaya atau strategi tersendiri apabila membaca dokumen dan artikel. Hasil dari **kajian kesusasteraan**, senarai strategi anotasi dipaparkan pada Jadual 1, senarai jenis anotasi dipaparkan pada Jadual 2, dan lokasi anotasi dipaparkan pada Jadual 3. Setiap strategi, jenis dan lokasi anotasi dinyatakan penyelidik atau pengarang yang berkaitan.

## HASIL TEMU BUAL

Jawapan kepada persoalan pertama sesi **temu bual** adalah seperti berikut,

**Soalan a. Apakah amalan yang sering dilakukan oleh anda semasa membaca artikel ilmiah?** Penyelidik pertama menyatakan beliau mencari artikel bila perlukan sumber untuk menyokong penulisan artikel ilmiah. Carian dilakukan pada laman web Google. Artikel yang sesuai akan sama ada di cetak atau terus di baca dan dipetik ke dalam artikel yang sedang ditulis. Penyelidik tidak melakukan sebarang anotasi pada artikel yang dirujuk dan pada mana-mana dokumen lain.

Penyelidik kedua menyatakan bahawa beliau mencari artikel melalui enjin carian Google Scholar dan portal perpustakaan digital. Selepas mengenal pasti artikel yang paling sesuai, penyelidik mencetak artikel tersebut sebelum membacanya. Kadang-kadang penyelidik membaca artikel yang dicetak pada masa senggang dan tidak semestinya selepas ia dicetak. Penyelidik kedua menyatakan, beliau akan mencapai apa sahaja alat menulis yang ada di atas meja. Sekiranya pada waktu itu ada *highlighter*, maka, beliau akan gunakan *highlighter* untuk menganotasi artikel. Jika hanya ada pen atau pensil di atas meja pada waktu itu, beliau akan menganotasi artikel menggunakan pen atau pensil. Penyelidik akui bahawa beliau melakukan anotasi semasa membaca artikel dan jenis anotasi yang kerap beliau gunakan adalah *underline* pada perkataan atau ayat yang difikirkan penting serta menarik dalam perenggan. Penyelidik



turut menulis nota ringkas pada ruang kosong dan jidar artikel. Beliau jarang merujuk semula artikel yang telah dianotasi dan artikel yang telah di baca dan dianotasi kerap diletakkan di merata tempat atau hilang. Penyelidik menyatakan bahawa artikel yang dianotasi tidak pernah dikongsi dengan rakan penyelidik lain.

Penyelidik ketiga menyatakan bahawa beliau ada melakukan anotasi semasa membaca artikel, namun tidak mempunyai strategi anotasi tertentu. Beliau menggunakan pen *highlighter* dan pen untuk menganotasi dan jenis anotasi yang kerap beliau gunakan adalah *underline* dan nombor pada perkataan atau ayat yang difikirkan penting serta menarik dalam perenggan. Penyelidik turut menulis nota ringkas pada jidar artikel. Selepas melakukan anotasi, beliau terus menambah rujukan dari artikel yang dibaca ke dalam dokumen yang sedang dikarang untuk tujuan penulisan laporan atau artikel penyelidikan.

Penyelidik keempat menyatakan bahawa beliau ada melakukan anotasi namun tidak mempunyai strategi tertentu. Beliau juga menggunakan pen dan kertas untuk melakukan anotasi. Jenis anotasi yang kerap beliau gunakan semasa membaca artikel yang dicetak terlebih dahulu adalah *underline* pada perkataan atau ayat yang difikirkan penting serta menarik dalam perenggan. Beliau turut menulis nota ringkas pada jidar kiri, kanan atau ruang kosong dalam artikel. Beliau juga menaip nota tambahan menggunakan Microsoft Word dan disimpan dalam bentuk dokumen digital untuk rujukan beliau di masa akan datang.

Penyelidik kelima menjelaskan bahawa beliau mencari artikel menggunakan enjin carian Google Scholar, memilih artikel yang dirasakan relevan dan mencetak artikel tersebut. Artikel yang dicetak akan sama ada dibaca terus atau di baca pada masa lain mengikut keperluan beliau. Beliau menggunakan pen untuk menganotasi dan kerap menggunakan *underline* dan menulis nota tambahan pada jidar artikel yang sedang di baca. Sekali sekala beliau turut menaip maklumat artikel terus pada artikel yang sedang ditulis sebagai petikan. Anotasi pada artikel yang dibaca dirujuk bila ada keperluan dalam penulisan dan penyelidikan.

**Soalan b. Adakah anda melakukan anotasi pada artikel yang di baca?** Jawapan penyelidik pertama, beliau tidak melakukan sebarang anotasi pada artikel yang di baca. Penyelidik kedua, ketiga, keempat dan kelima menyatakan bahawa mereka melakukan anotasi pada artikel yang dibaca. Anotasi dilakukan pada teks dalam perenggan atau di jidar. Artikel mereka kebanyakannya dalam bentuk bercetak. Penyelidik keempat menyatakan bahawa beliau turut membuat nota tambahan pada dokumen digital menggunakan perisian Microsoft Word. Kesemua penyelidik mencari artikel yang sesuai untuk dipetik ke dalam artikel yang sedang mereka tulis.

**Soalan c. Bagaimana bentuk anotasi yang dilakukan oleh anda?** Bentuk anotasi yang dimaksudkan pada fasa ini adalah merujuk kepada jenis anotasi. Jawapan empat orang penyelidik secara amnya tidak menetapkan sebarang bentuk anotasi semasa menganotasi artikel yang dibaca. Mereka menyatakan bahawa mereka lebih selesa menggunakan *underline* semasa menganotasi. Jenis anotasi yang biasa digunakan adalah *highlight*, *underline* dan menulis komen atau nota ringkas.

**Soalan d. Adakah ia (anotasi) dirujuk semula selepas ia dicipta?** Kelima-lima penyelidik menyatakan bahawa mereka sangat jarang merujuk semula pada anotasi yang telah di buat sama ada pada artikel bercetak dan artikel digital. Penyelidik akan merujuk semula pada artikel sekiranya mereka perlu membuat laporan penyelidikan, menulis artikel penyelidikan dan memerlukan rujukan bagi mengisi borang permohonan geran penyelidikan. Masalah yang

sering timbul semasa merujuk semula artikel yang telah dianotasi adalah, penyelidik terpaksa membaca semula artikel tersebut dan cuba memahami maksud anotasi yang telah mereka lakukan.

Hasil dari sesi **temu bual**, diperhatikan bahawa, penyelidik membaca secara aktif bagi menyokong aktiviti penyelidikan, terutama untuk mendapatkan rujukan dan panduan melaksanakan penyelidikan. Penyelidik perlu merujuk kepada hasil penyelidikan penyelidik lain dalam bidang yang sama melalui artikel ilmiah. Sumber dokumen yang dirujuk penyelidik adalah kertas persidangan, jurnal, kertas seminar (Marzuki 2013), laporan dan pelbagai lagi jenis sumber sama ada bentuk bercetak mahupun digital. Penyelidik mencari artikel melalui enjin carian Google, laman web perpustakaan digital atau Google Scholar. Carian dilakukan menggunakan kata kunci tertentu. Artikel yang dipilih bagi menyokong tujuan pembacaan kemudiannya dimuat turun, dicetak atau disimpan dalam storan penyelidik. Dokumen yang dimuat turun akan dicetak sebelum di baca. Semasa proses membaca, penyelidik melakukan anotasi pada artikel mengikut strategi masing-masing. Penyelidik menggunakan pensil, pen atau *highlighter* untuk melakukan anotasi kecuali penyelidik pertama, beliau tidak melakukan sebarang anotasi pada artikel. Jadual 4 memaparkan strategi anotasi lima orang penyelidik dengan menyokong beberapa strategi anotasi dari kajian lepas.

JADUAL 4. Strategi Anotasi Penyelidik dengan Kajian Lepas

Pengarang	Strategi Anotasi	P1	P2	P3	P4	P5
Ovsiannikov (2002)	Menanda sebahagian dari teks dengan penanda	-	✓	✓	✓	✓
	Menyimpan nota pada kertas yang berasingan.	-	-	-	✓	-
Sacchi (2011)	Memberi perhatian kepada bahagian tertentu teks dan perenggan	✓	✓	✓	✓	✓
Perpustakaan Kolej Universiti Dublin (2023)	Semak petikan, hubung kait & implikasi dengan penyelidikan.	-	-	✓	✓	-
	Meneliti bahagian pengenalan, ringkasan, perenggan pertama setiap bahagian	-	-	-	-	✓
Roy et al. (2021)	Anotasi kandungan penggunaan ( <i>highlighter</i> ), ambil nota, dan refleksi	-	✓	-	✓	-
Tambahan dari jawapan soalan 1	Masukkan petikan terus ke dalam artikel baru	✓	-	✓	-	-
	Cetak & baca	-	✓	-	-	✓

P1: Penyelidik 1


Jadual 5 memaparkan pemetaan permasalahan kajian dengan maklumat temu bual dengan penyelidik. Analisis menunjukkan bahawa anotasi yang disimpan tidak dirujuk semula, hilang dan penyelidik tidak faham tujuan dan makna kepada anotasi yang telah mereka lakukan. Akibatnya, anotasi tersebut tidak dirujuk dan hilang nilainya.

#### HASIL ANALISIS ARTIKEL BERANOTASI


Jadual 2 dirujuk semasa proses analisis artikel beranotasi penyelidik. Rajah 2 merupakan artikel yang dianotasi oleh penyelidik kedua. Ia memaparkan kandungan helaian pertama dan ke-2 artikel yang dianotasi oleh Penyelidik 2. Didapati, helaian 1 mengandungi jenis anotasi *underline* yang terletak pada teks dalam perenggan di abstrak dan nota ringkas yang terletak di jidar bawah. Helaian 2 mengandungi *underline* pada teks dan garis menegak di kiri dan kanan perenggan.

JADUAL 5. Permasalahan kajian dengan analisis artikel beranotasi penyelidik

Permasalahan kajian	P1	P2	P3	P4	P5
Anotasi yang disimpan tidak dirujuk semula	-	✓	✓	✓	✓
Anotasi yang disimpan hilang	-	-	-	✓	-
Penyelidik tidak faham tujuan dan makna kepada anotasi yang telah mereka lakukan	-	✓	-	-	✓




(H1)




(H2)

RAJAH 2. Helaian pertama (H1) & helaian ke-2 (H2) penyelidik 2

Rajah 3 memaparkan kandungan artikel dari penyelidik ketiga. Helaian 1 mengandungi jenis anotasi *highlight* yang terletak pada teks dalam perenggan. dan nota ringkas yang terletak di jidar bawah. Helaian 2 mengandungi *underline* yang terletak pada teks dalam perenggan, *highlight* pada teks dalam perenggan berserta tanda }, nombor ① dan nota ringkas. Terdapat juga *underline* berserta tanda } berserta nombor ②. Tanda [ dan ] pada teks dalam perenggan berserta *underline* pada perkataan dalam perenggan. Penyelidik turut menggunakan tanda { dan nombor ③ yang merujuk kepada perenggan. Selain itu, terdapat juga tanda (, ) dan *underline* yang terletak pada teks dalam perenggan berserta tanda } diiringi nota ringkas.




(H1)




(H2)

RAJAH 3. Helaian pertama (H1) & helaian ke-2 (H2) penyelidik 3

Rajah 4 merupakan helaian pertama dan ke-2 artikel yang dianotasi oleh penyelidik keempat. Kandungan helaian pertama terdapat jenis anotasi underline yang terletak pada teks dalam perenggan dan nota ringkas pada jidar kanan. Pada helaian ke-2 artikel terdapat jenis anotasi underline pada perkataan dalam perenggan, underline berganda pada perkataan dalam perenggan berserta garisan merujuk kepada nota ringkas, tanda bulatan berserta underline pada perkataan dalam perenggan. Terdapat juga highlight berwarna hijau berserta underline & underline berganda pada perkataan dalam perenggan diikuti dengan tanda } dan \* serta nota ringkas di jidar kanan artikel.




(H1)




(H2)

RAJAH 4. Helaian pertama (H1) & helaian ke-2 (H2) penyelidik 4

Rajah 5 merupakan artikel yang dianotasi oleh penyelidik kelima. Ia memaparkan kandungan helaian pertama dan ke-2 artikel yang dianotasi oleh Penyelidik 5. Helaian 1 mengandungi jenis anotasi underline yang terletak pada teks dalam perenggan, dan nota ringkas pada jidar bawah. memaparkan kandungan Helaian 2 iaitu jenis anotasi bulatan pada teks dalam perenggan, nota ringkas antara baris dalam perenggan dan nota ringkas pada jidar kiri. Terdapat juga lukisan carta alir pada ruang kosong di antara perenggan.



(H1)



(H2)

RAJAH 5. Helaian pertama (H1) & helaian ke-2 (H2) penyelidik 5

Hasil dari temu bual dan analisis artikel penyelidik menunjukkan bahawa, tujuan penyelidik membaca adalah untuk mencari maklumat sokongan sebagai rujukan untuk artikel. Dapatan ini menyokong pendapat O'Hara (1996) dan Collins (1993). Penyelidik menggunakan alatan menulis seperti pen dan highlighter untuk melakukan anotasi mengesahkan dapatan Marshall (1997), Gunawardena et al. (2010), Tashman dan Edwards (2011), dan Roy et al. (2021). Analisis jenis anotasi yang terdapat pada artikel yang telah dianotasi oleh penyelidik menyokong dapatan penyelidik terdahulu. Hasil lokasi anotasi penyelidik turut tersenarai dalam Jadual 6, menyokong dapatan penyelidik terdahulu dan format artikel yang dianotasi oleh penyelidik turut menyokong format bercetak dari O'Hara dan Sellen (1997), Kirwan (2010) dan dokumen digital dari O'Hara dan Sellen (1997), Shukla dan Chaudhary (2012).

JADUAL 6. Senarai Jenis dan Lokasi Anotasi Penyelidik pada Artikel

Helaian	Jenis Anotasi	Lokasi Anotasi
Penyelidik 1	Tiada	Tiada
Penyelidik 2 (H1 & H2)	<i>Underline</i> ✓ Garis menegak Nota ringkas	Teks dalam perenggan pada Abstrak ✓ Jidar bawah ✓
Penyelidik 3 (H1 & H2)	<i>Highlight</i> ✓ <i>Underline</i> ✓ Nota ringkas ✓ Tanda }&① & Nota ringkas merujuk perenggan Tanda } & ② Tanda [ & <i>underline</i> & ] ringkas merujuk perenggan Tanda { & ③ & nota ringkas ringkas merujuk perenggan Tanda (, <i>underline</i> & ) & } & nota ringkas ringkas merujuk perenggan	Teks dalam perenggan ✓ Jidar Kiri ✓ Jidar Kanan ✓ Jidar bawah ✓
Penyelidik 4 (H1 & H2)	<i>Underline</i> ✓, <i>Underline</i> berganda <i>Underline</i> bergerigi <i>Highlight</i> ✓ Nota ringkas ✓, Bulatan & <i>Underline</i> Tanda ( & ) & <i>underline</i> & } & highlight ✓ & * merujuk perenggan Tanda * & nota ringkas	Teks dalam perenggan ✓ Ruang kosong antara perenggan ✓ Jidar Kanan ✓
Penyelidik 5 (H1 & H2)	<i>Underline</i> ✓, Bulatan Nota ringkas Lukisan carta alir	Teks dalam perenggan ✓ Ruang kosong antara perenggan ✓ Jidar kiri dan bawah ✓

Rumusan bagi kajian adalah, senario pengurusan pembacaan aktif penyelidik tanpa sebarang strategi yang tetap dan menggunakan jenis anotasi umum (*highlight*, *underline* & nota ringkas). Penyelidik mencari artikel menggunakan pelayar melalui enjin carian Google, laman web perpustakaan digital atau Google Scholar. Carian dilakukan menggunakan kata kunci tertentu, dan setelah menelusur hasil carian, penyelidik akan membaca secara ringkas artikel yang dicari sebagai rujukan. Artikel yang difikirkan bersesuaian dengan tujuan carian kemudiannya dimuat turun dan dicetak atau di simpan ke dalam storan peribadi penyelidik. Dokumen yang dimuat turun akan dicetak sebelum dibaca. Semasa proses membaca, penyelidik melakukan anotasi pada artikel.

Penyelidik tidak mempunyai strategi anotasi tertentu untuk menganotasi artikel yang dibaca. Dapatan ini mengesahkan pendapat dari Perpustakaan Kolej Universiti Dublin (2023).

Jenis anotasi yang penyelidik gunakan adalah *highlight*, *underline*, nota ringkas, bulatan, asterik, tanda seperti {, }, [, ], nombor ①, ②, ③, dan garisan. Jenis anotasi yang paling kerap

digunakan adalah *underline*. Dapatan ini mengesahkan kebanyakan jenis anotasi yang telah diperoleh dari peneylidik lepas yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Lokasi anotasi penyelidik kebanyakannya adalah pada teks dalam perenggan, nota ringkas pada ruang kosong antara perenggan, nota ringkas pada jidar kiri, kanan, atas dan bawah. Terdapat juga anotasi pada kertas kosong dan dokumen digital lain. Secara tidak langsung, dapatan ini mengesahkan maklumat yang diperoleh oleh penyelidik lepas pada Jadual 3.

## KESIMPULAN

Penyelidik adalah pembaca aktif yang mempunyai strategi anotasi peribadi semasa membaca dan mencatat artikel ilmiah yang dibaca (Macmullen 2005, Kazai et al. 2008) mengikut kesesuaian masing-masing (Perpustakaan Kolej Universiti Dublin 2023). Kajian ini berjaya mengenal pasti strategi, jenis, dan lokasi anotasi pada artikel yang dibaca oleh lima penyelidik.

Ia turut mengesahkan bahawa strategi anotasi, jenis anotasi seperti yang dijelaskan oleh penyelidik terdahulu. Namun begitu, kekangan kepada kajian ini adalah bidang kepakaran penyelidik dan bilangan penyelidik yang terhad. Kajian lanjutan akan mengambil kira penyelidik dari pelbagai bidang kepakaran dan bilangan penyelidik yang lebih ramai. Selain itu, strategi anotasi dan jenis anotasi yang bermakna dan boleh diguna semula di kalangan penyelidik turut akan dikemaskini dan disahkan oleh pakar. Ini adalah kerana, anotasi yang dicipta oleh pengguna juga perlu mudah difahami oleh pembaca lain dan berupaya dijadikan sebagai koleksi anotasi peribadi yang baru. Impak kepada strategi anoatasi berserta jenis anotasi ini menghasilkan koleksi anotasi peribadi penyelidik yang lebih teratur, mudah difahami, bermakna, boleh diguna semula dan dikongsi dengan penyelidik lain. Jenis anotasi generik disenaraikan dalam Jadual 2 turut menjadi panduan oleh penyelidik apabila ingin menganotasi pada sebarang jenis bahan bacaan.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi pernghargaak kepada Kementerian Pengajian Tinggi, yang menyumbang kepada *Exploratory Research Grant Scheme* (ERGS/1/2013/ICT05/UKM/02/3) untuk kajian ini. Terima kasih juga kepada penyelidik Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat yang telah menjadi sukarelawan dan berkongsi pengalaman anotasi mereka untuk menyokong kajian ini.

## RUJUKAN

- Abd Hamid, M.A.A. & Sahrir, M.S., 2020. Analisis Penggunaan Maklum Balas Pembetulan Bertulis Bahasa Arab Secara Elektronik dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Universiti di Malaysia: Usage Analysis of Written Electronic Corrective Feedback Among Arabic Lecturers and Students of a Malaysian University. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(2), pp.42-55.
- Academic Integrity - Referencing, Citation & Avoiding Plagiarism: Active reading and note-taking. University College Dublin Library. Belfield, Dublin. <https://libguides.ucd.ie/academicintegrity/activereadingandnotetaking> [Ogos 2023].
- Ball, E., 2009, A participatory action research study on handwritten annotation feedback and its impact on staff and students. *Systemic practice and action research*, 22, pp.111-124.
- Baumeister, S.K., 2015, Annotation: Every reader's superhero reading strategy (Doctoral dissertation).

- Bélanger, M.E., 2010. The annotative practices of graduate students: Tensions & negotiations fostering an epistemic practice (pp. 1-220). University of Toronto.
- Chauhan, J. and Seriani, J., 2019, Purposeful Annotation: Strategies for Effective Academic Reading and Writing. KOTESOL Proceedings 2019, p.231.
- Collins, N.D., 1993, Teaching critical reading through literature. ERIC Clearinghouse on Reading, English, and Communication.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Malaysia. <http://prpm.dbp.gov.my/> [30 April 2023].
- Furuta, R. dan Urbina, E., 2002. On the characteristics of scholarly annotations. In Proceedings of the thirteenth ACM conference on Hypertext and hypermedia (pp. 78-79).
- Golovchinsky, G., 2008, October. Reading in the office. In Proceedings of the 2008 ACM workshop on Research advances in large digital book repositories (pp. 21-24).
- Gunawardena, A., Tan, A. and Kaufer, D., 2010, June. Encouraging reading and collaboration using classroom salon. In Proceedings of the fifteenth annual conference on Innovation and technology in computer science education (pp. 254-258).
- Hemminger, B.M. and TerMaat, J., 2014, Annotating for the world: Attitudes toward sharing scholarly annotations. *Journal of the Association for Information Science and Technology*, 65(11), pp.2278-2292.
- Hood, Z. and Sahari, N., 2013. Researchers annotation collections and practices. *Procedia Technology*, 11, pp.354-358.
- Jasmin Mahler. 2021. A Study of Multi-Document Active Reading in Analog and Digital Environments. [Diploma Disertation]. TU Wien.
- Kazai, G., Doucet, A. and Landoni, M., 2008, New tasks on collections of digitized books. In *Research and Advanced Technology for Digital Libraries: 12th European Conference, ECDL 2008, Aarhus, Denmark, September 14-19, 2008. Proceedings 12* (pp. 410-412). Springer Berlin Heidelberg.
- Kirwan, K., 2010. *Rebellious readers: a marginalized reader theory of identity, text, and meaning* (Doctoral dissertation, Creighton University).
- Krishna, K., Liu, Y., Mehrotra, S. and Zhu, J., 2019, Research Exchange-A Collaborative Paper Annotation Tool.
- Leonard, D., 2019, Study Guide # 11 Preparing Footnotes & Bibliography. King's College. [https://www.kings.edu/non\\_cms/pdf/studyguide11.pdf](https://www.kings.edu/non_cms/pdf/studyguide11.pdf).
- Liao, C., 2009, *Papiercraft: a paper-based interface to support interaction with digital documents* (Doctoral dissertation, University of Maryland, College Park).
- Macmullen, W.J., 2005. Annotation as Process, Thing, and Knowledge: Multi-domain studies of structured data annotation. In ASIST Annual Meeting.
- Marshall, C.C. and Ruotolo, C., 2002, July. Reading-in-the-small: a study of reading on small form factor devices. In Proceedings of the 2nd ACM/IEEE-CS joint conference on Digital libraries (pp. 56-64).
- Marshall, C.C., 1998, Toward an ecology of hypertext annotation. In Proceedings of the ninth ACM conference on Hypertext and hypermedia: links, objects, time and space---structure in hypermedia systems: links, objects, time and space---structure in hypermedia systems (pp. 40-49).
- Marzuki, M.K., 2013. Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM Kelantan Kampus Machang: kajian pendekatan dan program dakwah terhadap pembangunan akhlak mahasiswa/Mohd Khusyairie bin Marzuki (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Merlo, G., Seta, L., Ottaviano, S., Chifari, A., Chiazzese, G., Allegra, M., Todaro, G. and Ciulla, G., 2007, December. Note taking with Gym2Learn: Helping students use online text comprehension strategies. In Proceedings of IADIS CELDA Conference: Cognition and Exploratory Learning in Digital Age, Algarve, Portugal (pp. 7-9).

- Mostefai, B., Azouaou, F. and Balla, A., 2010, October. An annotation-based pedagogical memory model for learner. In 2010 International Conference on Machine and Web Intelligence (pp. 190-197). IEEE.
- O'Hara, K., 1996, Towards a typology of reading goals. Tech. Rep. EPC-1996-107, Rank Xerox Research Centre, Cambridge UK.
- O'Hara, K. and Sellen, A., 1997, March. A comparison of reading paper and on-line documents. In Proceedings of the ACM SIGCHI Conference on Human factors in computing systems (pp. 335-342).
- Ovsiannikov, I.A., Arbib, M.A. and McNeill, T.H., 1999. Annotation technology. International journal of human-computer studies, 50(4), pp.329-362.
- Porter-O'Donnell, C., 2004, Beyond the yellow highlighter: Teaching annotation skills to improve reading comprehension. English Journal, pp.82-89.
- Roy, N., Torre, M.V., Gadiraju, U., Maxwell, D. and Hauff, C., 2021, March. Note the highlight: incorporating active reading tools in a search as learning environment. In Proceedings of the 2021 conference on human information interaction and retrieval (pp. 229-238).
- Sacchi, S., 2011. Annotation evolution: how Web 2.0 technologies are enabling a change in annotation practice. In Proceedings of the 2011 iConference (pp. 765-766).
- Shukla, A. and Chaudhary, B.D., 2012, July. Annotation based personal knowledge management of research scholars. In 2012 IEEE International Conference on Engineering Education: Innovative Practices and Future Trends (AICERA) (pp. 1-6). IEEE.
- Slights, W.W., 2003. Marginalia: Readers Writing in Books.
- Spanou, S. & Zafiri, M.N., 2019. Teaching reading and writing skills to young learners in English as a foreign language using blogs: A case study. Journal of Language and Cultural Education, 7(2), pp.1-20.
- Tashman, C., 2010, LiquidText: active reading through multitouch document manipulation. In CHI'10 Extended Abstracts on Human Factors in Computing Systems (pp. 2959-2962).
- Tashman, C.S. and Edwards, W.K., 2011, May. Active reading and its discontents: the situations, problems and ideas of readers. In Proceedings of the SIGCHI Conference on Human Factors in Computing Systems (pp. 2927-2936).
- Vaganova, O.I., Lapshova, A.V., Kutepov, M.M., Tatarnitseva, S.N. and Vezetiu, E.V., 2020, Technologies for organizing research activities of students at the university. Amazonia investiga, 9(25), pp.369-375.
- Wolfe, J.L., 2000, June. Effects of annotations on student readers and writers. In Proceedings of the fifth ACM conference on Digital libraries (pp. 19-26).
- Zaihosnita Hood, 2022. Model Anotasi dalam Pengurusan Pembacaan Aktif Penyelidik. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). (pp. 6-8).